



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MOBILE THEMATIC EXHIBITION (MTE) PUSAT SAINS NEGARA LUASKAN PEMBUDAYAAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI KE NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 17 OGOS - YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini menghadiri Majlis Penyerahan *Mobile Thematic Exhibition* (MTE) Pusat Sains Negara kepada U-Science, Universiti Malaysia Sabah. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Encik Luqman Ridha Anwar, Pendaftar Universiti Malaysia Sabah dan Puan Mismah Jimbun, Pengarah Pusat Sains Negara.

Pusat Sains Negara (PSN) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengambil inisiatif meluaskan jangkauan dan program pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) kepada masyarakat melalui Program PSN Satelit. Program ini membawakan satu pengalaman sesebuah pusat sains berskala kecil yang menawarkan pameran sains bertema meliputi zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

U-Science, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjadi destinasi Program PSN Satelit dan menerima sebanyak 30-unit bahan pameran interaktif. Bahan pameran berkonsepkan Astronomi, Cabaran Minda dan Fizik ini dianggarkan bernilai RM1,500,000 bagi tempoh dua (2) tahun akan dapat memberi banyak manfaat kepada rakyat Sabah.

Pameran Cabaran Minda dan Fizik yang dibangunkan oleh PSN ini merupakan bahan pameran yang menguji kefahaman dan pemikiran kreatif dalam menyelesaikan masalah yang ringkas melalui teknik yang menarik. Manakala Pameran Astronomi pula memberi peluang kepada pelawat untuk merasai pengalaman penerokaan ruang angkasa lepas

dengan mempelajari asas seperti fasa bulan, buruj, serta fenomena- fenomena yang berlaku di alam semesta.

Dalam pada itu, Arthur berkata Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat perbincangan untuk mewujudkan Pusat Sains Negara Wilayah Sabah. Justeru, sebagai langkah sementara Program PSN Satelit U-Science, UMS ini diwujudkan bagi memastikan segenap lapisan masyarakat dapat memanfaatkan teknologi, produk dan perkhidmatan STI untuk meningkatkan lagi minat anak-anak muda kepada bidang STEM.

“Dengan adanya rangkaian pusat pembudayaan STI yang meluas di Sabah, seperti PSN Satelit di U-Science UMS, penubuhan Ruang Daya Cipta di Sandakan, Kolej Vokasional Keningau serta akan datang Tuaran dan pengwujudan Pusat STI di Perpustakaan Daerah di Sabah oleh KSTI, aktiviti-aktiviti pembudayaan STI yang lebih strategik, dinamik dan seiring dengan trend global semasa dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sehingga ke akar umbi.” ulasnya lagi.

Beliau percaya pengalaman pembelajaran sains yang lebih menyeronokkan mampu mencetus rasa ingin tahu, daya kreativiti, inovasi dan seterusnya memberi inspirasi kepada pelajar untuk meminati bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM).

Diharap inisiatif Program PSN Satelit ini akan dapat memantapkan usaha pembudayaan dan mempromosikan STI di Malaysia secara holistik. Ia juga akan dapat memberi manfaat dan impak yang besar dalam melahirkan lebih ramai generasi yang memilih bidang STEM.

#TAMAT#

Disediakan oleh:
PEJABAT TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
17 OGOS 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Nor Maizatul Azta Binti Sanip
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pameran
Pusat Sains Negara
(013-361 1347)

Arashy Azim
Pegawai Penerbitan
Pusat Sains Negara
(012-602 8792)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my